



KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
30 Mac 2023

PEMEGANG UNIT ASB 2 DAN ASM TERIMA PENGAGIHAN PENDAPATAN BERJUMLAH RM1.64 BILION

Memanfaatkan lebih daripada 1.08 juta pemegang unit

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2023.
- ASB 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM0.62 bilion yang memanfaatkan 513,244 pemegang unit. Pulangan sebanyak 5.00 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 2.52% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 248 mata asas (bps).
- Bagi tempoh yang sama, ASM turut mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.02 bilion, iaitu bersamaan 4.50 sen seunit kepada 575,351 pemegang unit. Pulangan sebanyak 4.5% ini mengatasi penanda aras yang sama sebanyak 198 bps.

Kuala Lumpur, 30 Mac 2023: Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM1.64 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2023 untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

ASB 2 mengisytiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM0.62 bilion, bersamaan 5.00 sen seunit kepada 513,244 pemegang unit yang kini memiliki 12.42 bilion unit, dan ASM mengisytiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM1.02 bilion, iaitu bersamaan 4.50 sen seunit kepada 575,351 pemegang unit dengan pegangan 22.74 bilion unit. Sehingga 28 Mac 2023, ASB 2 merekodkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM536.09 juta, manakala ASM mencatatkan RM784.83 juta.

Pendapatan bagi kedua-dua dana ini diperoleh melalui keuntungan, dividen serta sumbangan pendapatan lain terealisasi daripada pelaburan domestik dan antarabangsa, dalam persekitaran inflasi yang lebih tinggi dan kebimbangan terhadap kemelesetan global yang meningkat. Kedua-dua dana juga telah mendapat manfaat daripada strategi kepelbagaian portfolio masing-masing dengan peningkatan peruntukan dalam instrumen pendapatan tetap seiring dengan peningkatan keluk kadar hasil.

Pengagihan pendapatan ASB 2 dan ASM adalah bersamaan dengan jumlah pulangan masing-masing sebanyak 5.00% dan 4.50%, kedua-duanya mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank pada 2.52% sebanyak 248 mata asas untuk ASB 2 dan 198 mata asas untuk ASM.

Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga Dana

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASB 2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana. Pengagihan yang diisytiharkan oleh dana-dana ini akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 April 2023.

Urus niaga ASB 2 dan ASM di semua cawangan dan ejen ASNB termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet telah ditangguhkan sementara dari 28 hingga 31 Mac 2023 bagi memudahkan proses pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh meneruskan transaksi di portal myASNB di www.myasnb.com.my atau melalui aplikasi mudah alih myASNB pada 1 April 2023, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 3 April 2023.

Peningkatan Had Pelaburan ASB & ASB 2

Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2023 Februari lalu, PNB memaklumkan had pelaburan individu dalam ASB & ASB 2 ditingkatkan daripada RM200,000 kepada RM300,000 setiap satu, akan berkuatkuasa pada April 2023 tertakluk kepada kelulusan badan kawal selia. Peningkatan had pelaburan ini merupakan satu langkah positif dan sejajar dengan usaha PNB untuk terus menggalakkan budaya menabung dan pelaburan dalam kalangan rakyat Malaysia. Maklumat lanjut akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 275 bilion dan lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)

ASB 2 adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 2 April 2014. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur bumiputra yang memahami pulangan dan risiko pelaburan, serta mencari dana dengan potensi pulangan tahunan.

Amanah Saham Malaysia (ASM)

ASM adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2000. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang memahami pulangan dan risiko pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang dana hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2023
DANA HARGA TETAP



ASB 2

JUMLAH PEMBAYARAN
PENGAGIHAN

RM0.62
bilion

JUMLAH
PENGAGIHAN

5.00
sen seunit



ASM

JUMLAH PEMBAYARAN
PENGAGIHAN

RM1.02
bilion

JUMLAH
PENGAGIHAN

4.50
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 dan Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Amanah Saham Nasional Berhad | 197901003200 (47457-V) • Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad | 197801001190 (38218-X)